

BERITA SINERGI

12/03/2026 / FSKM NEWS




KLANG, 19 Februari 2026 — Program Math Outreach anjuran Pejabat Penyelidikan dan Jaringan Industri, Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah berjaya dianjurkan buat kali ketiga pada 26 Januari 2026 dan buat julung kalinya melibatkan murid sekolah rendah. Program ini telah berlangsung di Sekolah Kebangsaan Kampung Jawa, Klang dengan penyertaan aktif 114 pelajar tahun 6 dan guru sekolah. Program tersebut melibatkan seramai 14 orang pensyarah dari Pusat Pengajian Sains Matematik, FSKM diketuai oleh Pengarah Program, Dr. Harliza

Mohd Hanif, dengan sokongan Penasihat Program, Dr. Nur Hazwani Aqilah Abdul Wahid, serta barisan fasilitator yang terdiri daripada para pensyarah FSKM.

Program ini merangkumi tiga komponen utama iaitu Program MesraMath sebagai aktiviti pengenalan dan ice breaking, seterusnya sesi perkongsian bertajuk “Jom Sayang Matematik: Dari Kelas ke Dunia Nyata!” yang memberi pendedahan kepada aplikasi matematik dalam kehidupan seharian dan kerjaya, serta Program SukaMath: Kira Sambil Gembira yang menekankan pembelajaran berasaskan permainan dan aktiviti berkumpulan. Modul yang dibangunkan merupakan inisiatif pasukan Math Outreach, FSKM. Kesemua aktiviti merupakan hasil idea pasukan Math Outreach, FSKM sendiri dan merupakan aktiviti hands on bersama pelajar.





Penganjuran Math Outreach di peringkat sekolah rendah ini bertujuan menyemai minat awal murid terhadap matematik melalui pendekatan pembelajaran yang menyeronokkan, interaktif dan kontekstual. Program ini turut menyokong usaha membina asas pembelajaran yang kukuh serta mengurangkan kebimbangan murid terhadap subjek matematik. Pelaksanaan keseluruhan program ini telah memberi impak positif apabila murid menunjukkan peningkatan minat, keyakinan diri dan penglibatan aktif sepanjang aktiviti dijalankan. Pendekatan pembelajaran santai dan interaktif membantu murid melihat matematik sebagai subjek yang relevan dan mudah difahami, di samping memupuk kemahiran komunikasi dan Kerjasama dalam kalangan murid.

Secara keseluruhan, penganjuran Math Outreach ini mencerminkan komitmen berterusan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam memperkukuh hubungan dengan komuniti serta menyumbang kepada pembangunan pendidikan berimpak tinggi. Program seumpama ini diharap dapat diteruskan dan diperluaskan pada masa hadapan. Ini selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan SDG 4: Pendidikan Berkualiti dan SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur.

Penulis: Dr Harliza Mohd Hanif (Editor: FSKM News Team)



Tags: [FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN MATEMATIK \(FSKM\)](#),
[Sekolah Kebangsaan Kampung Jawa](#), [uitm shah alam](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

Master Colour Run 2026: 600 Peserta
Gegarkan UiTM Cawangan Pahang
Demi Gaya Hidup Sihat Dan Misi
Kemanusiaan

Sains Bahan untuk Kelestarian: UiTM
Pulau Pinang Kaji Struktur Elektronik
Pemangkin Alam Sekitar di Thailand

QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)
[Academic Calendar](#)
[Intake Calendar](#)
[Graduate Quick Search](#)
[Library](#)
[UiTM Holdings](#)
[WiFi UiTM](#)
[E-Complaint](#)

HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA
(UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor
Darul Ehsan
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000

